

AMALAN WIRID KHAUJAKAN



Pengenalan

Badan Kebajikan Jemaah Khaujakan Johor atau *Khaujakan* adalah sebuah pertubuhan agama yang berdaftar dengan pejabat pertubuhan negeri Johor dengan nombor pendaftaran 473. Prinsip penubuhannya persatuan ini adalah untuk mengerjakan ibadah, Mujahadah, Da'wah dan Immarah. Matlamat utama perkerjaan tersebut ialah semata-mata kerana Allah Subhana wata'ala dengan harapan untuk mendapatkan curahan dan limpahan rahmat dari Allah Subhana wata'ala dan kasih sayangNya supaya kesejahteraan kehidupan didunia dan di akhirat.

Wirid Khaujakan

Amalan Wirid Khaujakan adalah merupakan aktiviti ibadah yang di lakukan oleh ahli ahli Khaujakan. Ia merupakan ibadah perlengkap kepada ibadah yang lain yang dilakukan apabila ahli ahli berkumpul di satu majlis ibadah atau majlis ilmu dan setelah selesai menjalankan majlis tersebut dan di sempurnakan dengan membaca Wirid Khaujakan beramai ramai sebagai penutup kepada majlis tersebut.

Amalan Wirid Khaujakan mengandungi ayat ayat suci al-Quran, Solawat dan Zikir serta doa-doa pilihan yang mustajab dan makbul yang di susun oleh pengasasnya dengan penuh adab, ilmunan dan peraturannya.

Kepentingan Berwirid

Menyempurnakan dan menunaikan perintah Allah SWT dan sentiasa mengingati dan menyebut nama Nya, adalah perkara keutamaan dalam kehidupan kita sebagai hamba Nya.

Berwirid juga adalah ibadah, kerana dalam wirid kita banyak menyebut nama Allah dan meng-Agungkan-Nya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 35, maksudnya :

“ Dan orang lelaki yang menyebut nama Allah SWT banyak banyak serta orang perempuan yang menyebut nama Allah SWT banyak banyak, Allah sudah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar”.

Berwirid dan berzikir dapat memantapkan diri sebagai seorang Muslim serta mempengaruhi jiwa kita menjadi lebih tenang. Ketenangan jiwa sangat penting kerana ia menjadi asas kekuatan jasmani dan rohani. yang akan mendorong kepada pembentukan akhlak yang baik serta peribadi yang mulia. Dengan akhlak yang baik serta peribadi yang mulia maka akan menjadikan sesaorang insan itu lebih beriman dan sebenar benar takwa kepada Allah SWT. Mereka yang beriman dan bertakwa adalah semulia mulia makhluk di sisi Allah SWT.

Kelulusan Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Johor

Amalan Wirid Khaujakan serta perisian kandungannya telah di kemaskini dan diluluskan oleh Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Johor untuk diamalkan oleh ahli ahlinya. Sila rujuk surat dari Majlis Fatwa Kerajaan Negeri Johor JMJ.351/05/91b)/6/(4) bertarikh 31 Oktober 2005.

Fadhilat Mengamalkan Wirid Khaujakan

Pokok utama mengamalkan Wirid Khaujakan ialah mohon rahmat dan kasih sayang dari Allah SWT. Dengan mengamalkan wirid Khaujakan akan mendapat fadhilat dan kelebihan seperti berikut :-

- Satu amalan yang mustajab untuk dimakbulkan hajat dan cita cita .
- Untuk menjauhkan musibah dan bencana seperti wabak penyakit serta bala menimpa diri dan keluarga, masyarakat dan Negara.
- Hindarkan diri dan keluarga daripada kejahatan dan godaan syaitan.
- Sebagai penerang hati anak anak yang sedang belajar di sekolah dan di Universiti
- Berkumpul dan berjamaah menjalankan ibadah dapat memupuk semangat ikwanul muslimin dan silatulrahim di kalangan ahli ahli.

Syarat syarat untuk mengamalkan wirid Khaujakan :-

Bagi sesaorang Muslim yang ingin mengamalkan Wirid Khaujakan mestilah mendaftar menjadi ahli dengan Badan Kebajikan Jemaah Khaujakan Johor dan di samping itu digalakan untuk menuruti perkara perkara berikut :-

1. Membaca wirid berpandukan Buku Panduan Wirid Khaujakan terbitan Badan Kebajikan Jemaah Khaujakan Johor (BKJKJ).
2. Mengamalkan Wirid Khaujakan secara berkumpulan di lokasi yang diluluskan
3. Menghadirkan diri mana mana majlis khatam dan ilmu anjuran Khaujakan
4. Menghadirkan diri ke Mukhtamar senawi / Mesyuarat Agung tahunan.

Peraturan peraturan membaca Wirid Khaujakan :-

1. Boleh dibaca berseorangan atau lebih afdhal berkumpulan
2. Waktu membaca selepas solat Maghrib atau selepas solat Isyak
3. Mengekalkan wudhu' semasa membaca wirid Khaujakan
4. Membaca menurut adab serta bilangan yang di tetapkan
5. Membaca dengan khusyuk dan tiada boleh bercakap cakap lain hal
6. Tiada gangguan orang keluar atau masuk dalam majlis membaca wirid

Bacaan sebelum berwirid,

Adalah di galakkan untuk membaca berikut sebelum mula membaca Wirid Khaujakan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

1. أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ (3x)
2. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ (1x)
3. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ (1x)

WIRID KHAUJAKAN



1. إِلَىٰ حَضْرَةِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَخَاتَمِ النَّبِيِّينَ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
شَيْءٌ لِلَّهِ لَهُمُ الْفَاتِحَةُ – (1x) .

Ke hadhrat Penghulu sekalian Rasul dan penutup segala Nabi dan keatas keluarganya dan sahabat sahabatnya kerana Allah di bacakan kepada mereka al- Fatehah

2. ثُمَّ إِلَىٰ رُوحِ سُلْطَانِ الْأَوْلِيَاءِ شَيْخِ عَبْدِ الْقَادِرِ الْجَيْلَانِيِّ شَيْءٌ لِلَّهِ لَهُ
الْفَاتِحَةُ – (1x) .

Kemudian kepada Ruh ketua al Aulia' Sheikh Abdul Qader Jailani kerana Allah di bacakan kepadanya al Fatehah.

3. ثُمَّ إِلَىٰ رُوحِ سَيِّدِ مُحَمَّدٍ حَقِّي وَسِلْسِلَةِ مَشَائِخِ خَوْجَكَانَ أَجْمَعِينَ شَيْءٌ
لِلَّهِ لَهُمُ الْفَاتِحَةُ – (1x)

Kemudian kepada Ruh al Sayyid Muhammad Haqqi dan urutannya Guru Guru Khaujakan di bacakan kepada mereka al Fatehah

4. ثُمَّ إِلَى رُوحِ شَيْخِنَا حَاجِ فَاضِلِ أَبُو بَكْرٍ بَنْتَنُ وَإِلَى رُوحِ أُسْتَاذِنَا حَاجِ
عُثْمَانَ أَزْهَارِي شَيْءٌ لِلَّهِ لَهُمَا الْفَاتِحَةُ – (1x)

Kemudian kepada Ruh Tuan Guru Haji Fadhil Abu Bakar Bantan dan Ruh Tuan Guru Hj Othman Azhari di bacakan kepada kedua dua nya al Fatehah

5. ثُمَّ إِلَى أَرْوَاحِ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ مِنْ أَعْضَاءِ
جَمَاعَةِ خَوْجَكَانِ شَيْءٌ لِلَّهِ لَهُمُ الْفَاتِحَةُ – (1x)

Kemudian kepada Ruh mukminin dan mukminat, muslimin dan muslimat khusus kepada jemaah Khaujukan yang telah meninggal dunia kerana Allah kepada mereka di bacakan al Fatehah.

6. ثُمَّ إِلَى أَرْوَاحِ وَالِدِينَا وَوَالِدِيكُمْ وَمَشَائِخِنَا وَمَشَائِكُمْ وَأَمْوَاتِنَا وَأَمْوَاتِكُمْ
وَجَمِيعِ أَهْلِ الْقُبُورِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ شَيْءٌ
لِلَّهِ لَهُمُ الْفَاتِحَةُ – (1x)

Kemudian kepada Ruh Ibu Bapa kami dan Ibu Bapa kamu, Guru Guru kami dan Guru Guru kamu dan keluarga kami dan keluarga kamu dan semua ahli kubur laki laki dan perempuan yang beriman dan yang menyerah diri kepada Allah laki laki dan perempuan kerana Allah di bacakan kepada mereka al Fatehah.

7. أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ – (10 x)

Aku mohon ampun kepada Allah yang Maha Besar yang tiada Tuhan melainkan Dia yang Hidup Kekal

8. اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْفَاتِحِ لِمَا اُغْلِقَ وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ وَنَاصِرِ
 الْحَقِّ بِالْحَقِّ , وَالْهَادِي اِلَى صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيْمِ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ حَقًّا
 قَدْرِهِ وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيْمِ – (10 x)
 (صلوات الفاتح)

“ Ya Allah rahmatkanlah ke atas penghulu kami Nabi Muhamad SAW yang membuka apa yang tertutup, dan penyudah bagi kami yang telah lalu dan yang menolong (membela) kebenaran dengan kebenaran dan yang menunjukkan jalan Engkau yang lurus, dan diatas ahli dan sahabatnya sahabatnya yang mempunyai nilai dan kedudukan yang tinggi lagi agung ”. (Solawat al Fateh)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

9. اَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ (1) وَوَضَعْنَا عَنَّاكَ وَزَرَكَ (2) الَّذِي اَنْقَضَ
 ظَهْرَكَ (3) وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ (4) فَاِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (5) اِنَّ مَعَ
 الْعُسْرِ يُسْرًا (6) فَاِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ (7) وَاِلَى رَبِّكَ فَارْغَبْ (8)
 (الشرح : 1-8) – (7x)

Bukan kah Kami telah melapangkan dadamu (Muhammad) (1), dan kami pun telah menurunkan bebanmu darimu (2), yang memberatkan tulang belakangmu (3), dan kami tinggikan sebutan (nama)mu bagimu (4), Maka sesungguhnya bersama kesukaran ada kemudahan (5), Sesungguhnya bersama kesukaran ada kemudahan (6), Maka apabila engkau telah selesai (dari suatu urusan), tetaplah bekerja keras (untuk urusan yang lain) (7), dan hanya kepada Tuhanmulah engkau memohon (8).
 (Al-Syarh : 1-8)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

10. قُلْ هُوَ اللّٰهُ اَحَدٌ (1) اللّٰهُ الصَّمَدُ (2) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَدْ (3) وَلَمْ يَكُنْ لَّهٗ
 كُفُوًا اَحَدٌ (4) (الإخلاص : 1-4) – (101x)

Katakanlah (Muhammad), “Dialah Allah, Yang Maha Esa (1), Allah tempat meminta segala sesuatu (2), (Allah) tidak beranak dan tidak pula diperanakan (3), Dan tidak ada sesuatu yang setara dengan-Nya (4). (Al-Ikhlâs : 1-4)

11. اللهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ
(البقرة : 255) – (17x)

Allah, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia yang hidup kekal lagi terus menerus mengurus (makhluk-Nya); tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nya apa yang di langit dan di bumi. tiada yang dapat memberi syafa'at di sisi Allah tanpa izin-Nya? Allah mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya. Kursi Allah meliputi langit dan bumi. dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, dan Allah Maha Tinggi lagi Maha besar.
(Al Baqarah : 255)

12. اللَّهُمَّ , يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . – (10x)

Ya Allah, Wahai Dzat yang menunaikan segala hajat.

13. اللَّهُمَّ , يَا كَافِيَ الْمُهِمَّاتِ – (10x)

Ya Allah, Wahai Dzat yang menyempurnakan keinginan.

14. اللَّهُمَّ , يَا رَافِعَ الدَّرَجَاتِ – (10x)

Ya Allah, Wahai Dzat yang meninggikan segala darjat.

15. اللَّهُمَّ , يَا دَافِعَ الْبَلَايَا – (10x)

Ya Allah, Wahai Dzat yang menolak segala bala' bencana.

16. اللَّهُمَّ , يَا مُجِيبَ الدَّعَوَاتِ – (10x)

Ya Allah, Wahai Dzat yang menerima segala seruan.

17. اللَّهُمَّ , يَا شَافِيَ الأَمْرَاضِ – (10x)

Ya Allah, Wahai Dzat yang menyembuhkan segala penyakit.

18. اللَّهُمَّ , يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ – (10x)

Ya Allah, Wahai Dzat yang maha penyayang dari segala yang penyayang.

19. حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ . (ال عمران : 173) – (10x)

Cukup lah Allah untuk (menolong) kami dan ia sebaik baik pengurus (yang terserah kepada-Nya segala urusan kami) (Surah :Al-Imran : 173)

20. لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ العَلِيِّ العَظِيمِ – (10x)

Tiada daya upaya melainkan dengan izin Allah yang maha tinggi lagi maha agung.

21. إِلَهِي أَنْتَ مَفْصُودِي وَرِضَاكَ مَطْلُوبِي أَعْطِنِي مَحَبَّتَكَ وَمَعْرِفَتَكَ
(10x)

Wahai Tuhanku, Engkau adalah tujuanku,, aku mohon cinta-Mu berilah kepada aku kaseh sayang- Mu dan makrifat-Mu.

22. اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً , وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي
تَنَحَّلُ بِهِ العُقْدُ , وَتَنْفَرِجُ بِهِ الكُرْبُ , وَتَقْضِي بِهِ الحَوَائِجُ , وَتُنَالُ بِهِ

الرَّغَائِبُ , وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ , وَعَلَى إِلِهِ
وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ
(صلوات التفرجية/النرية/الكاملة) – (10x)

Ya Allah, limpahkanlah selawat yang sempurna dan kesejahteraan yang sempurna pula kepada junjungan kami Nabi Muhammad yang dengan beliau itu telah Engkau lepaskan ikatan, Engkau lenyapkan kesusahan, Engkau tunaikan segala keperluan, dan di perolehi segala keinginan dan meninggalkan dunia dalam Husnul Khotimah, serta di beri minum dari awan berkat Wajah Mu.yang mulia. Juga kepada keluarga dan para sahabatnya dalam setiap kerdipan mata dan tarikan nafas sebanyak jumlah pengetahuan yang Engkau miliki.

23. لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

(سورة الأنبياء , الآية : 87) – (10x)

“ Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang Yang menganiaya diri sendiri ”. (Surah Al-Anbia’ : 87)

24. وَاللَّهُ غَالِبٌ عَلَى أَمْرِهِ (سورة يوسف : 21) – (10x)

Sesungguhnya Allah berkuasa di atas segala perkara atau perbuatan yang di tetapkannya.(Surah Yusuf : 21)

25. يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا إِلَهَنَا وَإِلَهُ كُلِّ شَيْءٍ إِلَهًا وَاحِدًا لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ

(10x)

Wahai Tuhan yang Hidup yang Kekal selama lama-Nya mentadbir sekalian alam, Wahai tuhan kami dan tuhan bagi tiap tiap sesuatu tuhan yang satu, tiada tuhan melainkan Engkau.

26. يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

(الرحمن : 78/27) – (10x)

Wahai Pemilik Keagungan dan Kemuliaan

27. أَفْضَلُ الذِّكْرِ ” لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ “

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ – (100x)

Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.

Bacaan selepas Zikir :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَلِمَةٌ حَقٌّ عَلَيْهَا نَحْيَا
وَعَلَيْهَا نَمُوتُ وَبِهَا نُبْحَثُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ الْأَمْنِينَ بِرَحْمَةِ اللَّهِ
وَكَرَمِهِ .

28 . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يس ﴿١﴾ وَالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ ... (Baca surah Yasin hingga akhir) (1x)

29 . (1x) Membaca Do'a Khaujakan (Ringkas atau Panjang)

Do'a Khaujakan (Ringkas)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ , وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ , سَيِّدِنَا
وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ وَنَاصِرِ الْحَقِّ بِالْحَقِّ , وَالْهَادِي إِلَى
صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ حَقَّ قَدْرِهِ وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيمِ .
اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً , وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلُ بِهِ
الْعُقْدُ , وَتَنْفِرُ بِهِ الْكُرْبُ , وَتَقْضِي بِهِ الْحَوَائِجُ , وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ ,
وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ , وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي
كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ . نَسْأَلُكَ اللَّهُمَّ بِعِزَّتِكَ وَجَلَالِكَ
وَجَمَالِكَ وَعَظَمَتِكَ

وَأَسْرَارِ أَسْمَائِكَ الْعِظَامِ وَأَنْبِيَآءِكَ الْكِرَامِ , وَأَوْلِيَآئِكَ الْفَخَامِ , وَمَلَائِكَتِكَ
الْمُقَرَّبِينَ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ وَبِحَقِّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . وَبِحَقِّ هَذَا الْإِسْمِ الْعَظِيمِ اللَّهُ اللَّهُ أَنْ نُؤَفِّقَنَا لِلنَّظَرِ
إِلَى وَجْهِكَ الْكَرِيمِ , وَتَقْضِي حَوَائِجَنَا , وَتَفْتَحَ لَنَا أَبْوَابَ الْعُلُومِ وَالْكَشُوفِ
, وَتُفِيضَ عَلَيْنَا مِنْ بَرَكَاتِ الْعَرْشِ وَالْكَرْسِيِّ وَاللُّوحِ الْمَحْفُوظِ , وَتَتَجَلَّى
فِي قُلُوبِنَا بِأَنْوَاعِ التَّجَلِّيَّاتِ وَالْأَسْرَارِ كَمَا أَفْضَتْ وَتَجَلَّيْتَ عَلَى قُلُوبِ
أَنْبِيَآئِكَ وَأَصْفِيَآئِكَ أَجْمَعِينَ , بِلُطْفِكَ وَكَرَمِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ . اللَّهُمَّ يَا
مُسَبِّبَ الْأَسْبَابِ وَيَا مُقَلِّبَ الْقُلُوبِ وَالْأَبْصَارِ , وَيَا دَلِيلَ الْمُتَحِيرِينَ وَيَا
غِيَاثَ الْمُسْتَغِيثِينَ , تَوَكَّلْنَا وَفَوَّضْنَا أَمْرَنَا إِلَيْكَ , يَا فَتَّاحُ يَا وَهَّابُ يَا بَاسِطُ
. صَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ . الفاتحة

Ertinya : Segala puji bagi Allah Tuhan seru sekalian alam, rahmat dan salam kepada semulia-mulia Rasul iaitu penghulu kami dan junjungan kami Nabi Muhammad Shalallahu alaihi wasalam yang membuka apa yang tertutup dan Penyudah bagi kami yang telah lalu dan menolong kebenaran dengan kebenaran, dan yang menunjuki jalan Engkau yang lurus, dan kepada Ahli-ahlinya dan para sahabatnya yang mempunyai nilai dan kedudukan yang tinggi lagi agung. Ya Allah berilah kerahmatan dan kesejahteraan yang sempurna keatas penghulu kami Nabi Muhammad Shalallahu 'alaihi wasalam yang dengan berkatnya terbuka apa yang tersimpul, dan dengan

berkatnya tercapai segala keinginan, dan akhir hayat yang baik dan dicurahkan air hujan (rahmat) dengan berkat wajahnya yang mulia, kerahmatan dan kesejahteraan yang sempurna Engkau limpahkan juga Ya Allah, keatas keluarga dan sahabat-sahabatnya dengan kiraan setiap kerdipan mata dan hembusan nafas dan tiap-tiap bilangan ilmu yang ada bagi-Mu Ya Allah. Kami memohon kepada-Mu Ya Allah dengan kemuliaan, kebesaran, dan keindahan Mu serta keagungan Mu dan rahasia nama-nama Mu yang agung dan para Nabi yang mulia, serta para wali besar, seterusnya para malaikat yang sentiasa mendampingi Mu semoga Allah memberi kerahmatan dan kesejahteraan keatas mereka. Dan dengan haq nama yang agung ini Allah, Allah, Allah, Supaya Engkau perkenan untuk kami melihat wajahMu yang mulia, dan Engkau menunaikan segala hajat kami, dan membuka untuk kami pintu-pintu ilmu pengetahuan dan kasyaf (terbuka mata hatinya) dan limpahkan kepada kami dengan berkata ‘arash dan kursi dan *lub mahfuz*, dan Engkau zahirkan didalam hati kami hikmah dan rahasia yang tersembunyi sebagaimana yang engkau limpahkan keatas hati nabi-nabi Mu dan orang-orang pilihan Mu sekalian. Dengan limpah Mu dan karuniaMu, wahai Tuhan yang maha pengasih. Wahai Tuhan yang menjadikan sebab bagi segala sebab dan yang membalikan segala hati dan penglihatan dan menunjukan orang yang memilih dan memberi pertolongan kepada orang yang meminta pertolongan. Kami berserah dan kami serahkan urusan kami kepada Mu wahai yang maha membuka, wahai yang maha member, wahai yang maha melapangkan. Semoga Allah mencucuri rahmat dan sejahtera keatas penghulu kami Nabi Muhammad serta keluarga dan sahabat-sahabatnya sekalian. Dan segala puji hanya bagi Allah yang mentadbir sekalian alam. Membaca sekali al-Fatihah dan niat apa yang dihajatkan.

(1X) – Membaca Al-Fatihah .30

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (1) الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2) الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 (3) مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (4) إِلَيْكَ نَعْبُدُ وَإِلَيْكَ نَسْتَعِينُ (5) إِهْدِنَا الصِّرَاطَ
 الْمُسْتَقِيمَ (6) صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا
 الضَّالِّينَ (7)

Ertinya : Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang (1), Segala puji bagi Allah, Tuhan seluruh Alam (2), Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang (3), Pemilik hari pembalasan (4), Hanya kepada Engkaulah kami menyembah dan hanya kepada Engkaulah kami mohon pertolongan (5), Tunjukanlah kami jalan yang lurus (6), (iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepadanya; bukan (jalan) mereka yang dimurkai, dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat. (1 X)

Do'a Khaujakan (Panjang)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ , وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ , وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ . اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مَنْبَعِ
الْعُلُومِ وَالْأَسْرَارِ . وَمَحْزَنِ الْفَيْضِ وَالْأَنْوَارِ . وَمَلْجَأِ الْأُمَّةِ وَالْأَبْرَارِ .
وَمَهْبَطِ جِبْرِيلَ فِي اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ . وَحَبِيبِ اللَّهِ السَّتَّارِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْهِ
أَفْضَلَ الْكُتُبِ وَالْأَسْفَارِ سَيِّدِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدَ الْمُخْتَارِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْأَخْيَارِ . إِلَهِي أَنْتَ مَقْصُودِي وَرِضَاكَ مَطْلُوبِي
أَعْطِنَا مَحَبَّتَكَ وَمَعْرِفَتَكَ . فَسَأَلْتُكَ اللَّهُمَّ بِعِزَّتِكَ وَجَلَالِكَ وَجَمَالِكَ وَقُدْرَتِكَ
وَكِبْرِيَاكَ وَعَظَمَتِكَ وَبِحَقِّ سِرِّ سِرِّ أَسْرَارِ أَسْمَائِكَ الْعِظَامِ وَأَنْبِيَائِكَ
الْكَرَامِ وَأَوْلِيَائِكَ الْفَخَامِ وَمَلَائِكَتِكَ الْمُقَرَّبِينَ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ .
وَبِحَقِّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . وَبِحَقِّ هَذَا
الِاسْمِ الْعَظِيمِ اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ , أَنْ تُوقِنَا لِلنَّظَرِ إِلَى وَجْهِكَ الْكَرِيمِ , وَتَقْضِي
حَوَائِجَنَا وَتَفْتَحَ لَنَا أَبْوَابَ الْعُلُومِ وَالْكَشُوفِ , وَتُفِيضَ عَلَيْنَا مِنْ بَرَكَاتِ
الْعَرْشِ وَالْكَرْسِيِّ وَاللُّوحِ الْمَحْفُوظِ , وَتَتَجَلَّى فِي قُلُوبِنَا بِأَنْوَاعِ التَّجَلِّيَّاتِ
وَالْأَسْرَارِ كَمَا أَفْضَتْ وَتَجَلَّيْتَ عَلَى قُلُوبِ أَنْبِيَائِكَ وَأَصْفِيَاءِكَ أَجْمَعِينَ ,
بِلُطْفِكَ وَكَرَمِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ
مِنَ الظَّالِمِينَ . (الأنبياء : 87) فَاسْتَجَبْنَا لَهُ وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْعَمِّ وَكَذَلِكَ نُنْجِي
الْمُؤْمِنِينَ . (الأنبياء : 88) اللَّهُمَّ إِنِّي أَقَمْتُ نَفْسِي تَحْتَ هَذَا الْمِيزَابِ
الْمُحَمَّدِيِّ , حَقِيرًا ذَلِيلًا مُذْنِبًا مُسْتَشْفَعًا , فَيَسِّرْ لَنَا أَنْوَاعَ تَجَلِّيَاتِكَ الْإِلَهِيَّةِ ,
وَأَسْرَارِ مَلَائِكَتِكَ الْقُدْسِيَّةِ , وَهَمَمِ أَوْلِيَائِكَ الرَّبَّانِيَّةِ , وَفِيُوضَاتِ حَبِيبِكَ
الْمُحَمَّدِيَّةِ , وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ
لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا . (النساء : 64) رَبَّنَا آتِنَا فِي
الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ . (البقرة : 201) رَبَّنَا لَا
تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ . (آل
عمران : 8) رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ .
(إبراهيم : 41) رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا

تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ . (الحشر : 10)
سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ . وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ . وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ . (الصف : 180-182)

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Segala puji bagi Allah yang mentadbir sekalian alam, shalawat dan salam keatas semulia-mulia Nabi dan Rasul dan keatas keluarganya sekalian. Wahai Tuhan kami , cucurilah kerahmatan dan kesejahteraan keatas penghulu kami sebagai tempat sumber ilmu dan rahasia-rahasia dan tempat simpanan limpahan dan cahaya dan tempat tumpuan umat dan orang-orang yang baik. Dan tempat turun jibril pada waktu malam dan siang. Dan kekasih Allah yang dilindungi dan diturunkan kepadanya sebaik-baik kitab, iaitu penghulu kami Muhammad yang terpilih yang member shafaat kepada kami dengan izin Allah. Semoga Allah memberi kesejahteraan kepada baginda kaum keluarga dan sahabatnya sekalian.

Ya Allah, wahai Tuhan kami Engkaulah matlamat dan tujuan hidupku, kasih-Mu yang aku pinta. Berilah cinta-Mu dan makrifat-Mu kepadaku. Maka kami mohon kepada-Mu ya Allah, dengan kemuliaan-Mu dan keagungan-Mu, keindahan-Mu, kekuasaan-Mu, kebesaran-Mu, keagungan-Mu dan kebenaran rahasia beberapa rahasia nama-nama Mu yang agung dan Nabi-nabi Mu yang mulia serta wali-wali Mu yang besar dan para malaikat Mu yang dihampirkan, keatas mereka itu selamat sejahtera. Dan dengan haq nama yang agung ini Allah, Allah, Allah dan supaya Engkau memperkenankan kepada kami untuk melihat wajah Mu yang mulia, dan Engkau tunaikanlah segala hajat –hajat kami, dan bukakan untuk kami beberapa pintu ilmu pengetahuan dan kasyaf dan engkau limpahkan kepada kami dari kurnia Mu dengan kebrkatan ‘arasy, kursi, dan lauf mahfuz. Dan Engkau zahirkan didalam hati kami dengan hikmah dan rahasia-rahasia sebagaimana yang engkau telah limpahkan dan berikan kepada Nabi-nabi dan ahli sufi sekalian, dengan kelembutan dan kemuliaan Mu wahai Tuhan yang maha penyayang.....tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, maha suci Engkau sesungguhnya aku adalah daripada orang yang melakukan kezaliman (Surah al Anbia': ayat 87). maka kami kabulkan permintaannya, begitu juga kami menyelamatkan orang-orang yang beriman – bila mereka merayu kepada kami (Surah al Anbia': ayat 88). Ya Allah, wahai Tuhanku

sesungguhnya diaku berdiri dibawah kebenaran mengikut ajaran Nabi Muhammad yang berasa hina, berdosa mengharapkan pertolongan. Maka berilah kemudahan kepada kami dengan berbagai hikmah ketuhanan, dan rahasia para malaikat Mu yang suci dan para wali Mu yang taat mengikuti perintah-perintah Mu dan limpahan dari kekasih Mu Nabi Muhammad yang terpuji.....dan walaupun mereka menzalimi diri mereka, mereka datang kepada Mu, mereka memohon ampun kepada Allah da Rasul memohon ampun untuk mereka, nescaya mereka mendapati Allah itu maha pengampun lagi maha mengasihani (Surah an Nisa' : ayat 64). Wahai Tuhan kami berilah kami kehidupan yang baik didunia dan kehidupan yang baik diakherat, dan selamatkan kami dari azab neraka (Surah al Baqarah : ayat 201). Wahai Tuhan kami janganlah engkau memesongkan hati kami setelah engkau member petunjuk kepada kami dan berilah kepada kami limpah rahmat dari sisimu, sesungguhnya engkau jualah Tuhan yang melimpah-limpah pemberiannya (Surah al Imran : ayat 8). Ya Allah ya Tuhan kami ampunilah daku dan kedua ibu bapaku serta orang – orang yang beriman pada hari diadakan perhitungan dan pembalasan (Surah Ibrahim : ayat 4). Wahai Tuhan kami ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang telah mendahului dengan iman, dan janganlah engkau jadikan kedinginan dihati kami terhadap mereka yang beriman, wahai Tuhan kami sesungguhnya engkau yang amat melimpah belas kasihan dan rahmat Mu (Surah al Hasyr : ayat 10). Akuilah kesucian TuhanMu – Tuhan yang mempunyai keagungan dan kekuasaan – dari apa yang mereka katakan. Dan (ucaplah) salam sejahtera kepada sekalian Rasul. Serta (ingatlah) segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam (Surah as Saffat : ayat 180-182).

(1x) – Membaca Al-Fatihah .31

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (1) الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2) الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 (3) مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (4) إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (5) إِهْدِنَا الصِّرَاطَ
 الْمُسْتَقِيمَ (6) صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا
 الضَّالِّينَ (7)

Ertinya : Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang (1), Segala puji bagi Allah, Tuhan seluruh Alam (2), Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang (3), Pemilik hari pembalasan (4), Hanya kepada Engkaulah kami menyembah dan hanya kepada Engkaulah kami mohon pertolongan (5), Tunjukkanlah kami jalan yang lurus (6), (iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepadanya; bukan (jalan) mereka yang dimurkai, dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat. (1 X)

Do'a Penutup :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَمِينُ , أَمِينُ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ , اللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ سِرِّي وَعَلَانِيَتِي فَاقْبَلْ
مَعْذِرَتِي وَتَعْلَمْ حَاجَتِيفَاعْطِنِي سُؤَالِي وَتَعْلَمْ مَا فِي نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي
ذُنُوبِي . اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ إِيمَانًا يُبَاسِرُ قَلْبِي وَيَقِينًا صَادِقًا حَتَّى أَعْلَمُ أَنَّهُ لَنْ
يُصِيبَنِي إِلَّا مَا كَتَبْتَهُ لِي وَرَضِيْتُ بِمَا قَسَمْتَ لِي . رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا دُعَائِنَا
إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ , وَثُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ . دَعْوَاهُمْ
فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ وَعَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ (9). (10). (Surah Yunus : 10)

Ertinya : Perkenankan, perkenankan Ya Allah, Tuhan yang mentadbir sekalian alam. Ya Allah sesungguhnya Engkau mengetahui rahasia hatiku yang tersembunyi dan yang terang. Terimalah kekurangan ku dan Engkau mengetahui hajat ku..... Perkenankanlah permintaan ku dan Engkau juga mengetahui apa yang ada pada diriku maka ampunilah segala dosaku. Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada Mu Iman yang menerangkan hatiku dan keyakinan sebenar, sehingga aku mengetahui bahawa apa yang menimpa aku melainkan telah Engkau tentukan kepadaku, dan aku redha dengan apa yang Engkau berikan kepadaku. Ya Allah terimalah do'a dari kami, sesungguhnya Engkau amat mendengar lagi amat mengetahui, terimalah taubat kami

sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Do'a ucapan mereka dalam syurga itu ialah : “ سبحانك اللهم ” (Maha suci Engkau Ya Allah dari segala kekurangan) dan ucapan penghormatan mereka padanya ialah “ سلام ” (selamat sejahtera) dan akhir do'a mereka ialah “ الحمد لله رب العالمين ” (Segala puji bagi Allah Tuhan pentadbir sekalian alam. (Surah Yunus : 10).

Bahan rujukan dan panduan:

Sila dapatkan naskah Buku Panduan Wirid Khaujakan. cetakan ke 3 (2010).